

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: University Teaching and Learning Centre
Sent: 10 April 2016 15:54
To: UUM - All Staff
Cc: UUM - UTLC
Subject: PERSEDIAAN PULANG DENGAN Ph.D



Pusat Pengajaran
Pembelajaran Universiti

UNIVERSITY TEACHING AND LEARNING CENTRE

Universiti Utara Malaysia



"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

10 APRIL 2016/ 2 REJAB 1437H

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia

PERSEDIAAN PULANG DENGAN Ph.D



Bermula 28 Mac hingga 6 April 2016, Pusat Pengajaran Pembelajaran Universiti (UTL) telah menganjurkan Program Kaedah Penyelidikan Bil.2/2016 bertempat di Bil Mesyuarat UTLC, UUM. Seramai 11 orang peserta telah menghadiri program ini yang terdiri daripada pensyarah dan tutor yang akan melanjutkan pengajian ke peringkat Ph.D. Bengkel ini juga turut disertai oleh seorang pegawai penyelidik dari Fakulti Kejuruteraan Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang.

Program ini diwajibkan kepada semua pensyarah yang akan melanjutkan pengajian ke peringkat Ph.D. Objektif program ini adalah untuk mengukuhkan kemahiran penyelidikan dikalangan peserta sebagai persediaan mereka untuk melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana dan PhD. Peserta akan didedahkan secara intensif kepada teori-teori berkaitan kaedah penyelidikan kuantitatif dan kualitatif, penggunaan perisian untuk menganalisis data (kuantitatif dan kualitatif) dan pengurusan bibliografi.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Hassan Ali dan Pengarah UTLC, PM Dr. Fauziah Abdul Rahim juga telah hadir pada hari terakhir program ini bagi menyampaikan hasrat UUM dan memberi sokongan kepada para peserta.

Program ini telah diakhiri dengan sesi forum perkongsian pengalaman bertajuk Managing Doctoral Studies bersama Dr. Mohd Hisham Mohd Sharif dari Pusat Pengajian Perakaunan dan Dr. Nor Hanani Ismail dari Pusat Pengajian Umum.

DARIPADA:
PUSAT PENGAJARAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI (UTLC)
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010 UUM SINTOK
KEDAH DARUL AMAN.
TEL : 04-928 4697
FAKS : 04-928 4702
E-MEL : utlc@uum.edu.my



Universiti Pengurusan Terkemuka



Tidak perlu dicetak e-mel ini kecuali benar-benar perlu.
(Please don't print this e-mail unless necessary)